

TARIKH	05 / 05 / 2014	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	34	RUANGAN	

## Hingus, tahi mata unta pindahkan virus

**London:** Hingus unta boleh memindahkan virus korona Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) yang boleh membawa maut kepada manusia, kata satu kajian terbaharu.

Penyelidik mendapati bahawa virus dari manusia yang dijangkiti dan unta Arab dari kawasan geografi yang sama mempunyai urutan RNA yang serupa.

"Ini menunjukkan pemindahan antara haiwan dan manusia. Proses berkenaan dirujuk sebagai zoonosis," kata Norbert Nowotny dari Institut Virologi, Universiti Perubatan Veterinar di Austria.

Dalam kajian itu, saintis menjalankan penyelidikan terhadap hingus dan tahi mata yang diambil dari 76 unta di Oman.


### Angka kematian meningkat

Tahap virus adalah amat tinggi dalam hingus dan tahi mata unta terbahit. Pemindahan dari haiwan kepada manusia berlaku melalui kawasan hubungan ini terutama hingus, kata saintis.

"Vaksin terhadap unta pada masa ini sedang dibincangkan. Kita akan dapat menghalang penyebaran virus berkenaan," kata Nowotny.

Pihak berkuasa kesihatan kelmarin melaporkan 18 jangkitan terbaru dari MERS dan angka kematian meningkat kepada 111 di negara itu, berbanding 107 pada Jumaat lalu.

Dalam maklumat terkini MERS di halaman web, Kementerian Kesihatan bagaimanapun hanya menyebut dua kematian terbaru membabitkan seorang wanita berusia 69 tahun di Makkah yang mengalami batuk kering dan anemia serta seorang lelaki berusia 25 tahun dari Jeddah yang dipindahkan ke sebuah hospital kerajaan pada 27 April lalu. **AGENSI**



Partikel MERS-CoV yang dilihat secara elektron mikro-graf dari Institut Kebangsaan bagi Alahan dan Penyakit Berjangkit (NIAID), pada 2012.

## Visa umrah dihenti

» Agensi tidak terima permohonan jemaah lebih 60 tahun, kanak-kanak

► Riyadh

**B**eberapa agensi umrah dan haji tidak lagi menerima permohonan visa bagi umrah untuk jemaah berusia lebih 60 tahun dan juga kanak-kanak, berikutan nasihat Kementerian Kesihatan sebagai langkah untuk menghalang penyebaran virus korona Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) kepada golongan berisiko ini.

"Kami juga akan menghentikan pemberian visa haji kepada jemaah yang tidak mempunyai vaksin terhadap selesema jenis lain," kata presiden Jawatankuasa Umrah dan Haji Dewan Perdagangan dan Industri Makkah (MCCI), Saad Al-Quraishi kepada Arab News.

**Keputusan belum diketahui** Penyebaran virus MERS-CoV di Wilayah Barat, terutama di Makkah, Madinah dan Jeddah memaksa kebanyakan penyedia

perkhidmatan untuk menolak jemaah lebih tua walaupun kerajaan belum mengeluarkan sebarang keputusan rasmi membabitkan perkara itu.

Keputusan itu dibuat kira-kira dua bulan menjelang bulan Ramadan yang bakal menyaksikan lebih ramai jemaah mengerjakan ibadat umrah.


### Bimbang ancaman meningkat

Pemangku Menteri Kesihatan, Adel Fakeih minggu lalu menasihatkan golongan kanak-kanak dan jemaah

berusia lebih 65 tahun, kumpulan umur yang berisiko untuk dijangkiti virus terbahit supaya menangguhkan ibadat umrah atau haji sehingga ancaman penyakit berkenaan semakin reda.

Agensi perkhidmatan umrah dan haji yang bimbang penyakit terbahit akan meningkat di kalangan calon jemaah juga memperkenalkan langkah pencegahan dan nasihat kepada pelanggan mereka.

Pihak berkuasa kesihatan kel-



Ahli sains percaya unta boleh memindahkan virus MERS-CoV kepada manusia.

marin melaporkan 18 jangkitan terbaru MERS-CoV dengan angka kematian meningkat kepada 111 berbanding 107 pada Jumaat.

Sebanyak 18 kes terbaharu disahkan pada Sabtu, disifatkan sebagai jumlah penambahan kes harian tertinggi setakat ini menjadikan keseluruhan kes dicatatkan di seluruh negara adalah 296 sejak virus terbahit dikesan pada 2002.

Daripada kes terbaharu itu tujuh adalah di Jeddah, lima di Riyadh, empat di Makkah dan dua di Madinah. Seramai 13 pesakit kini dirawat di hospital

awam dan lima lagi diasingkan di rumah masing-masing, kata laporan berkenaan.

Sementara itu pihak berkuasa di Amerika Syarikat mengesahkan kes pertama MERS-CoV di negara itu membabitkan seorang pekerja kesihatan.

Lelaki terbahit dikatakan mendapat penyakit itu selepas kembali ke Amerika Syarikat dari Arab Saudi minggu lalu.

Beliau kini dimasukkan ke hospital di barat laut Indiana, kata pegawai kesihatan Indiana serta Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit. **AGENSI**

Adel Fakeih  
Pemangku Menteri Kesihatan

296  
KES  
dicatatkan  
sejak 2002